

Sikap pelampau jejas keamanan

BH - 1/6/2006

Sheikh al-Azhar sokong saranan Pak Lah

Oleh Azman Mahmood

GOMBAK: Prof Dr Muhammad Sayyed Tantawi bersejua dengan gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak masyarakat antarabangsa menghalang perbuatan ekstrem tanpa terbatas kepada orang Islam, tetapi turut merangkumi bukan Islam.

Sheikh al-Azhar Mesir itu berkata, gesaan itu adalah tepat kerana Islam tidak pernah menganjur kepada perbuatan pelampau dan keganasan.

Bagaimanapun, apa yang menjadi masalah, kata beliau ada orang kononnya mengajar agama, tetapi tidak mengikut tuntutan agama sebenar sama ada Islam dan bukan Islam.

Katanya, mereka mengajar mengikut sesuka hati sehingga menganjur kepada kebencian dan membawa sikap ekstrem.

“Menganjur kepada kebaikan dan menolak ekstrem perlu diajar kepada anak-anak sejak awal lagi dan di sekolah agar apabila dewasa, mereka memahami hakikat dan tuntutan agama sebenar,” katanya kepada

pemberita selepas memberi ceramah umum bertajuk *Perpaduan Umat Islam Dalam Abad 21 – Masa Depan dan Cabaran* di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di sini, semalam.

Hadir sama Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman dan Presiden UIA, Tan Sri Sanusi Junid.

Beliau diminta mengulas mengenai gesaan itu oleh Perdana Menteri ketika menyampaikan ucap tama di Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik ke-20, di sini, kelmarin.

“**Islam bukan ekstrem kerana mementingkan keamanan dan menghormati hak orang lain di dunia ini**”


Prof Dr Muhammad Sayyed Tantawi
Sheikh al-Azhar Mesir

Abdullah berkata, usaha menghalang perbuatan ekstrem itu jika ditangani dengan baik dan segera, mampu merapatkan hubungan antara dunia Islam dan bukan Islam yang kini semakin melebar jurangnya.

Sehubungan itu, katanya perkara utama perlu dilakukan secara sejagat ialah menyekat sekolah dan rumah ibadat daripada mengajar dan menanam perbuatan melampau yang berlaku di pihak Islam dan bukan Islam.

Tantawi yang dalam rangka lawatan ke negara rumpun Islam di rantau ini, berkata, Islam mengajar supaya umatnya sentiasa menghormati orang lain dan mengutamakan keamanan.

Sementara itu Tantawi mengunjungi Perdana Menteri di pejabatnya jam 2 petang semalam. Beliau diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdullah Md Zin, Abdul Hamid Othman, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Mustapha Abdul Rahman dan Duta Besar Mesir ke Malaysia Mohamad Ali Afifi.



DUA TOKOH BERTEMU: Abdullah menerima kunjungan hormat Tantawi di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri, semalam.